

09 JAN 1999

BSKL-MINGGUAN

BSKL SASAR TAHAP 600 EKORAN MINAT ASING BERTERUSAN

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Sokongan belian yang berterusan oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) boleh mendorong pengukur pasaran Indeks Komposit meningkat ke tanda aras 600 minggu depan, kata peniaga-peniaga.

Selain daripada kecairan dana bagi membiayai pengumpulan saham, desas desus tentang pelonggaran kawalan modal juga dijangka merangsang kegiatan belian spekulatif, tambah mereka.

Seorang peniaga berkata pasaran juga mungkin memberi tindak balas positif terhadap rombakan Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada petang hari Jumaat.

Pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri mengakhiri spekulasi sejak beberapa bulan lalu manakala kembalinya Tun Daim Zainuddin untuk menerajui Kementerian Kewangan akan memperkukuhkan lagi kepastian bahawa Malaysia sedang menuju ke arah pemulihan ekonomi, tegas peniaga tersebut.

Sementara itu, seorang penganalisis menjangkakan pelonggaran beransur-ansur kawalan modal yang dikenakan sejak tahun lalu, yang merupakan petanda kepada pemulihan ekonomi. Ini, katanya, akan menggalakkan pelabur-pelabur asing menyertai pasaran dengan lebih cergas.

"Tanda-tanda kelihatan bahawa pelabur-pelabur asing telah mula membeli setelah enggan memasuki pasaran pada kebanyakan masa apabila kawalan tersebut dikenakan tahun lalu," tambah beliau.

Beliau meramalkan bahawa Indeks Komposit akan menguji tahap 600 pada awal minggu depan. Ini adalah merupakan pemulihan beransur-ansur setelah pasaran teruk dilanda krisis ekonomi serantau tahun lalu.

Dalam minggu baru berakhir, pasaran yang menyaksikan Indeks Komposit mengecil 4.18 peratus pada hari Isnin kerana kegiatan mengambil untung menghentikan pembelian yang sengaja diada-adakan pada akhir tahun oleh dana-dana tempatan.

Pengumuman Bank Negara Malaysia bahawa ia telah mengambil alih pengurusan MBF Finance Bhd dan Kewangan Bersatu Bhd juga telah mencetuskan kebimbangan dalam pasaran.

Bagaimanapun, pasaran pulih pada hari Selasa berikutan pengumuman tentang lebihan dagangan yang besar bagi November, berjumlah RM6.5 bilion.

Tindak balas positif terhadap langkah Bank Negara mengambil alih kedua-dua syarikat kewangan ini membantu sentimen di BSKL. Penjelasan lanjut bank pusat itu tentang langkah-langkah kawalan modal, yang dilihat sebagai tanda-tanda pelonggaran kawalan, merangsang sentimen selanjutnya.

Pasaran masih kukuh pada hari Rabu berikutan pengumuman Bank Negara pada hari Selasa bahawa rakyat asing boleh menghantar pulang keuntungan daripada dagangan kontra di bursa tempatan manakala syarikat broker saham tempatan dibenarkan memberikan pembiayaan kecil kepada pelabur asing.

Langkah ini menggalakkan dana-dana asing, terutama yang dananya terperangkap di negara in berikutan kawalan modal tersebut, memberi tumpuan kepada BSKL sekali lagi.

Bagaimanapun, sedikit kegiatan mengambil untung melunturkan kenaikan pada hari Khamis dan awal Jumaat sebelum pasaran melantun naik disebabkan oleh belian baru tempatan dan asing bagi mengakhiri minggu pertama tahun ini dengan nada yang lebih teguh.

Indeks Komposit ditutup minggu ini pada 591.70 mata, naik 5.57 mata daripada 586.13 ketika ditutup minggu lalu.

Indeks Emas naik 3.16 mata kepada 150.10 daripada 146.94, Indeks Papan Kedua menokok 8.45 mata kepada 166.82 daripada 158.37 dan Indeks Perusahaan meningkat 27.03 mata kepada 1,070.53 daripada 1,043.50.

Jumlah dagangan dan urus niaga langsung ialah 1,068.479 juta bernilai RM2,222.997 juta.

Di Papan Utama, jumlah dagangan bertambah kepada 888.827 juta bernilai RM1,694.357 juta daripada 630.912 juta saham bernilai RM1.952 bilion pada minggu sebelumnya.

Di Papan Kedua, jumlah dagangan meningkat kepada 154.562 juta bernilai RM450.627 juta daripada 82.280 juta bernilai RM227.343 juta.

Bagaimanapun, jumlah urus niaga langsung mengecil kepada 25.090 juta bernilai RM77.983 juta daripada 57.501 juta bernilai RM121.872 juta.

Magnum mendahului senarai 10 saham paling cergas minggu ini dengan 66.095 juta saham diniagakan. Saham judi itu naik 36 sen kepada RM1.99 kerana jangkaan Kerajaan akan meluluskan wang hadiah bagi perjudian empat nombor ekor.

Saham-saham cergas lain ialah Malayan United Industries dengan 52.761 juta saham diurus niaga, Pan Malaysain Industries 51.673 juta, Perusahaan Sadur Timah 30.286 juta, Technology Resources Industries 25.301 juta, United Engineers 21.763 juta, Ekran 21.537 juta, Tenaga Nasional 16.612 juta, Renong 13.579 juta dan Multi-Purpose Holdings 13.399 juta.

Malayan United Industries naik 16 sen kepada 99 sen, Pan Malaysian Industries meningkat 12 sen kepada 73 sen, Perusahaan Sadur Timah menokok 18 sen kepada RM1.09, Technology Resources Industries naik 11 sen kepada RM2.09, United Engineers naik 19 sen kepada RM2.96, Ekran menokok tujuh sen kepada RM1.09, Tenaga Nasioanl rugi 45 sen kepada RM7.35, Renong meningkat 20 sen kepada RM1.12 dan Multi-Purpose Holdings menambah 22 sen kepada RM1.24.

Barangan pengguna menyumbang 28.734 juta saham yang diniagakan di Papan Utama, barangan perusahaan 205.698 juta, pembinaan 59.857 juta, dagangan/perkhidmatan 278.910 juta, prasarana 3.777 juta, kewangan 93.229 juta, hotel 6.485 juta, hartanah 124.005 juta, perladangan 21.252 juta, perlombongan 1.831 juta, amanah 477,000, dana tertutup 478,000 dan pinjaman 20.056 juta, waran TSR 43.779 juta dan dagangan hak 261,000.

-- BERNAMA

MSL KY MA